

B.M 29/06/08 M/s 19

15 ditahan palsukan kad kuasa polis, tentera

KUALA LUMPUR: Lima belas orang termasuk dua anggota polis dari Bukit Aman dan empat wanita yang dipercayai terbabit dalam kegiatan penyamaran menggunakan kad kuasa palsu polis dan tentera, baru-baru ini, masih ditahan walaupun tempoh reman mereka tamat semalam.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, berkata penahanan semua suspek berusia 20 hingga 58 tahun itu pada Selasa lalu dalam beberapa siri serbuan sekitar Gombak, Cheras dan Petaling Jaya, pada mulanya ditahan reman selama tiga hari bermula Rabu lalu.

Katanya, tempoh reman mereka yang tamat semalam dilanjutkan mengikut Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah kerana siasatan ini perlu dilakukan secara terperinci.

"Kita akan mendakwa mereka termasuk dua anggota polis terbabit selepas siasatan yang dilakukan selesai sedikit masa lagi.

"Siasatan awal mendapati, kedua-dua anggota terbabit dipercayai menjadi penyampai maklumat kepada sindiket itu dengan membocorkan maklumat ciri-ciri kad kuasa polis yang sebenar," katanya pada sidang media selepas upacara Majlis Tamat Latihan dan Konvokesyen Kursus Asas Inspektor (KPSL) Siri 2/2007 di Pusat Latihan Polis (Pulapol), Jalan Semarak, di sini, semalam.

Rabu lalu, polis menahan 15 orang termasuk dua anggota polis Bukit Aman kerana disyaki terbabit dalam kegiatan pemalsuan kad kuasa polis dan tentera di sekitar ibu negara sejak tiga bulan lalu.

Sementara itu, Ismail berkata, beliau mengakui wujudnya sebilangan kecil anggota dan pegawai yang kurang berdisiplin namun pihaknya masih berbangga kerana sebahagian besarnya mengekalkan tahap integriti yang tinggi.

"Bagaimanapun, kita tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas termasuk dari segi undang-undang terhadap mereka yang merosakkan nama baik Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.